

SIARAN AKHBAR
17 Januari 2018

EKUINAS MELUPUSKAN KESEMUA PEGANGAN DALAM TENBY EDUCATION GROUP

Sorotan Utama: -

- Ekuinas telah melupuskan keseluruhan pegangannya dalam Tenby Education Group (Tenby) kepada International School Partnership (ISP) yang menghasilkan Kadar Pulangan Dalam (IRR) sebanyak 45.7% bersamaan 2.5 kali modal dilaburkan.
- ISP diuruskan oleh sekumpulan pengendali sekolah yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang pendidikan dan komersil, menguruskan sekolah Pra-K-13 di seluruh Eropah, Amerika Utara, Amerika Tengah dan Timur Tengah kepada 16,000 pelajar.
- Tenby, yang ditubuhkan di Ipoh pada tahun 1960, merupakan kumpulan pendidikan terkemuka di Malaysia yang menawarkan kurikulum kebangsaan dan antarabangsa swasta di enam buah kampus di Ipoh, Pulau Pinang, Miri, Setia Alam, Johor Bahru, dan Semenyih.

KUALA LUMPUR, 17 Januari 2018: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuitinya yang berjumlah 100% dalam Tenby Education Group (Tenby) kepada International Schools Partnership (ISP).

ISP ditubuhkan oleh sekumpulan pengendali sekolah yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang pendidikan dan komersil, menguruskan sekolah Pra-K-13 di seluruh Eropah, Amerika Utara, Amerika Tengah dan Timur Tengah kepada 16,000 orang pelajar.

Tenby membuka peluang kepada ISP untuk berkembang ke pasaran ASEAN, melengkapi kekuatan yang sedia ada di Tenby dan menambah suatu dimensi baharu dalam bidang pendidikan dan komersil yang dibawa bersama kepakaran mereka dari sekolah-sekolah di negara lain di bawah portfolionya. Dengan Tenby, portfolio sekolah ISP akan meningkat kepada 25.

Tenby yang ditubuhkan di Ipoh pada tahun 1960, merupakan kumpulan pendidikan swasta terkemuka di Malaysia yang menawarkan kurikulum kebangsaan dan antarabangsa swasta di enam (6) buah kampusnya di Ipoh, Pulau Pinang, Miri, Setia Alam, Johor Bahru dan Semenyih.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Pelupusan ini dilaksanakan selaras dengan strategi pelaburan berhemat Ekuinas untuk memastikan IRR yang positif. Di samping itu, Ekuinas percaya bahawa ISP mempunyai sumber dan kepakaran operasi dapat menyokong dan membimbing Kumpulan ke arah kejayaan yang berterusan."

Sepanjang hayat pelaburan Ekuinas dalam Tenby, ia telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan hasil dan perolehan secara agresif dengan meningkatkan jumlah pelajar dari 4,600 ke lebih 5,000 dan memacu perkembangan melalui pembukaan Tenby Ecohill pada tahun 2016 dan Tenby Tropicana Aman yang akan dibuka pada tahun 2018 .

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir juga berkata, "Kami berpuas hati selepas lapan tahun beroperasi, inisiatif pelupusan kami sedang berkembang pesat untuk mempercepatkan proses merealisasikan pelaburan kami. Masa dan iklim ekonomi adalah bersesuaian bagi kami melupuskan Tenby kerana ia membolehkan Ekuinas menjana pulangan yang positif untuk mengekalkan prestasi dana tersebut."

"Melalui pelupusan ini, Ekuinas akan menampung kos pelaburan asalnya dan menjana IRR positif sebanyak 45.7% bersamaan 2.5 kali modal dilaburkan, termasuk dividen yang telah diterima," tambah Syed Yasir Arafat.

Steve Brown, Ketua Pegawai Eksekutif ISP mengulas, "Kami sangat gembira dengan pengambilalihan Tenby, iaitu pengambilalihan pertama kami di Asia Tenggara. Ini menunjukkan cita-cita kami untuk memperkembang perkongsian kami di rantau yang berlainan di seluruh dunia. Sekolah-sekolah Tenby adalah dihormati di dalam komuniti tersendiri. Kami berharap untuk terus melabur dan berkembang untuk membantu kanak-kanak dan pelajar-pelajar menimba ilmu kepada peringkat yang menakjubkan."

Pelupusan ini merupakan pelupusan kelapan Ekuinas yang telah melonjakkan jumlah hasil realisasi Syarikat melebihi RM1.0 bilion, termasuk pelupusan separa dalam Icon Offshore Berhad.

- Tamat -

Latar belakang Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit, makanan dan minuman serta penjagaan kesihatan.

Hubungan Media:

Dau Ming Seling
Klareco Communications Malaysia
(Formerly known as Bell Pottinger Malaysia)

E: dseling@klarecocomms.com
T: +603-2276 0990
M: +6017-888 2808

Lok Ru Jun
Klareco Communications Malaysia
(Formerly known as Bell Pottinger Malaysia)

E: rlrok@klarecocomms.com
T: +603-2276 0990
M: +6012-325 6949